

**PELAKSANAAN CAJ TUNGGU SEDIA (*STANDBY CHARGE*) TERHADAP
PENGGUNA BUKAN DOMESTIK YANG MEMPUNYAI PEPASANGAN SOLAR
FOTOVOLTAIK**

PUTRAJAYA, 31 Disember 2024 – Kerajaan telah bersetuju untuk memperkenalkan caj tunggu sedia (*standby charge*) dengan kadar **RM14/kWp sebulan** berdasarkan kapasiti terpasang solar fotovoltaik (PV) terhadap pengguna bukan domestik yang mempunyai kapasiti pemasangan PV melebihi 72kWp **untuk kegunaan sendiri (*solar for self-consumption-SELCO*)**. Pelaksanaan caj tunggu sedia ini hanya melibatkan pemasangan solar PV baharu yang mula dibina selepas **31 Disember 2024**.

Suruhanjaya Tenaga
31 Disember 2024